

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 14 OGOS 2020
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 2

Sidang Dewan Rakyat

TERAJU jadi penyelaras utama pembangunan

Kuala Lumpur: Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) akan menjadi agensi penyelaras utama bagi pembangunan sosio-ekonomi Bumiputera.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata TERAJU akan menjadi penyelaras tunggal bagi pangkalan data Bumiputera merentas kementerian, agensi dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

"Bumiputera akan diberi lonjakan berganda menerusi pembentukan budaya keusahawanan pada pelbagai peringkat untuk menjadikan golongan itu sebagai bangsa usahawan.

"Budaya keusahawanan ini akan terus dipupuk secara bersepdua melalui peranan pelbagai agensi seperti Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), Majlis Amanah Rakyat (MARAKA) dan Tekun Nasional (TEKUN) serta agensi mandat Bumiputera," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, semalam.

+ Beliau menjawab soalan asal Datuk Seri Dr Mujahid Yusof (PH-Parit Buntar) yang bertanya mengenai langkah kerajaan untuk meningkatkan ekonomi Bumiputera khususnya apabila semakin ramai yang menganggur tanpa menyalahkan bangsa lain.

Menegaskan komitmen kerajaan Perikatan Nasional (PN) untuk melaksanakan agenda Bumiputera sebagai agenda nasional, Mu-

hyiddin berkata, walaupun banyak kejayaan dicapai dalam usaha meningkatkan taraf hidup golongan itu, kedudukan sosioekonomi Bumiputera masih perlu dilonjakkan.

"Lonjakan berganda dalam pendidikan dan modal insan akan terus diperhebat, terutama dalam kalangan keluarga B40 dan M40 Bumiputera.

"Pemberian biasiswa, program pemupukan dan pembangunan, serta bimbingan kepada modal insan Bumiputera akan diperluas kepada semua peringkat.

"Beberapa kaedah lain seperti dasar *Carve Out and Compete*, KPI (Petunjuk Prestasi Utama) atau sasaran pencapaian Bumiputera bagi setiap kementerian, jabatan, agensi dan GLC serta perolehan ekuiti dan aset strategik juga akan dimantapkan," katanya.

Perdana Menteri turut menyatakan komitmen kerajaan menjayakan Agenda Bumiputera melalui Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan Rancangan Malaysia Ke-12 yang akan dibentangkan awal tahun depan.

"Insya-Allah, saya yakin jika semua pihak menumpukan sepenuh usaha menjayakan semua perancangan yang dinyatakan, kita akan mampu melonjakkan taraf sosioekonomi Bumiputera tanpa menjelaskan peluang dan hak kaum lain untuk menikmati kemakmuran negara secara bersama," katanya.